

PENTAKSIRAN SETARA STANDARD
SEJARAH TAHUN 5 / 2021

Pilih jawapan yang betul. Seteleh selesai menjawab soalan klik butang "FINISH" kemudian tulis nama murid dengan ejaan yang betul.

Soalan ini mengandungi 40 soalan objektif

1. Derhaka bermaksud.....
 - A. raja yang berkuasa
 - B. ingkar perintah raja
 - C. raja yang zalim
 - D. patuh perintah raja

2. Institusi raja di negara kita telah wujud sejak _____.
 - A. Zaman batu
 - B. Zaman Penjajahan jepun
 - C. Zaman Pentadbiran British
 - D. Zaman Kerajaan Melayu Awal

3. Pada masa kini, pentadbiran kerajaan negeri diuruskan oleh _____.
 - A. Yang-di-pertuan Agong
 - B. Perdana Menteri
 - C. Menteri Besar
 - D. Sultan

4. Semasa pentadbiran British, Sultan hanya merupakan ___ dan adat istiadat bagi negerinya.
 - A. Penasihat undang-undang
 - B. Ketua Agama Islam
 - C. Ketua kerajaan
 - D. Ketua Negara

5. Sebelum kedatangan Islam, telah wujud pengaruh agama ___ dalam kalangan masyarakat tempatan
 - A. Kristian dan Hindu
 - B. Hindu dan Buddha
 - C. Buddha dan Kristian
 - D. Islam dan Hindu

6.



Seni bina Islam ini jelas dapat dilihat pada Masjid Putra, Putrajaya ini

- A. menara
- B. tiang seri
- C. corak batik
- D. corak songket

7. Seni khat merupakan _____

- A. seni mempertahankan diri
- B. seni kaligrafi Islam
- C. seni muzik Islam
- D. seni visual

8. Tanah Melayu pernah dijajah olehNegara berikut **kecuali**

- | | |
|------------|--------------|
| A. Jepun | C. Portugis |
| B. Belanda | D. Singapura |

9.



Bangunan di atas adalah hasil tinggalan ...

- | | |
|------------|-------------|
| A. Jepun | C. Portugis |
| B. British | D. Belanda |

10. Terdapat 14 Jalur Gemilang di dalam Bendera Malaysia. Apakah **maksud 14 Jalur Gemilang** tersebut?
- A. Bilangan kaum di Malaysia
 - B. Bilangan Raja dan Sultan di Tanah Melayu
 - C. Bilangan negeri-negeri yang terdapat di Malaysia
 - D. Bilangan masyarakat di Malaysia
11. Berapakah **prinsip Rukun Negara Malaysia**?
- A. 5
 - B. 4
 - C. 6
 - D. 3
12. Apakah **bunga kebangsaan Malaysia**?
- A. Bunga Mawar
 - B. Bunga Melur
 - C. Bunga Raya
 - D. Bunga Cempaka
13. Apakah **nama penuh** Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong (YDPA) sekarang?
- A. Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Al Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
 - B. Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al Marhum Sultan Mahmud Al Muktafi Billal Shah
 - C. Al Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Musta'in Billah
 - D. Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin
14. Apakah maksud "**Merdeka**"?
- A. Terkurung
 - B. Bebas
 - C. Seksa
 - D. Sakti

15. Apakah nilai yang perlu diterapkan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum?

- A. Bahasa
- B. Perkauman
- C. Perpaduan
- D. Persengketaan

16. Lengkapkan.

**Negaraku,
Tanah tumpahnya darahku,
Rakyat hidup,
Bersatu dan maju,**

- | | | |
|---|--|---|
| a. Rahmat Bahgia,
Tuhan kurniakan,
Raja kita,
Selamat berbakti | b. Rahmat Bahgia,
Tuhan kurniakan,
Raja kita,
Selamat bertakhta | c. Rahmat Bahgia,
Tuhan kurniakan,
Raja kita,
Selamat sejahtera. |
|---|--|---|

17. Pengishtihsaran kemerdekaan telah dilaungkan oleh Tunku Abdul Rahman pada


- A. 20 Februari 1956
- B. 30 Ogos 1957
- C. 31 Ogos 1957
- D. 16 September 1963

18. Pelantikan Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua utama Negara dibuat oleh _____ melalui pemilihan yang unik.

- A. Institusi Raja
- B. Yang di-Pertuan Agong
- C. Majlis Raja-Raja
- D. Perdana Menteri

19. Mengapakah kita perlu patuh dan taat kepada perintah raja?
- A. Memastikan Raja dapat memerintah dengan adil dan saksama
 - B. Memastikan Raja dapat mengekalkan kuasanya
 - C. Memastikan Negara kita sentiasa aman
 - D. Memastikan Negara kita mempunyai Raja.
20. Perlembagaan Malaysia menyebut agama_____adalah Agama Persekutuan.
- A. Islam
 - B. Hindu
 - C. Buddha
 - D. Kristian
21. Nyatakan **prinsip ketiga Rukun Negara**
- A. Kepercayaan kepada Tuhan
 - B. Keluhuran perlembagaan
 - C.. Kesetiaan kepada Raja dan Negara
 - D. Kedaulatan Undang-undang
22. Sebagai rakyat, kita patut_____institusi Yang di-Pertuan Agong
- A. Menghormati
 - B. Mematuhi
 - C. Mentaati
 - D. Menyanjung
23. Jalur Gemilang mempunyai_____jalur
- A. 12
 - B. 13
 - C. 14
 - D. 15

Soalan 24 berdasarkan gambar di bawah



24. Harimau dalam Jata Negara melambangkan_____.

- A. Kegagalan
- B. Keberanian
- C. Kebijaksanaan
- D. Ketabahan

25. Warna putih pada Jalur Gemilang melambangkan

- A. Keluhuran dan keikhlasan
- B. Islam sebagai agama persekutuan
- C. Kesetiaan rakyat kepada Raja dan Negara
- D. Perpaduan rakyat yang hidup rukun dan damai

26. Laungan merdeka pada_____oleh Tunku Abdul Rahman adalah sebanyak_____.

- A. 31 September 1957, 7 kali
- B. 31 Ogos 1957, 7 kali
- C. 13 Ogos 1957, 7 kali
- D. 31 September 1967 7 kali

27. **Bendera Malaysia** dikenali juga dengan nama_____.

- A. Jalur Cemerlang
- B. Jalur Bersilang
- C. Jalur Gemilang
- D. Jalur Terbilang

28. _____ ialah **tempat pengisytiharan** kemerdekaan Malaysia.

- A. Stadium Merdeka
- B. Stadium Negara
- C. Stadium Malaysia
- D. Stadium Sarawak

29. Pentadbiran Negara pada masa kini diuruskan oleh

- A. Yang di-Pertuan Agong
- B. Yang di-Pertua negeri
- C. Perdana Menteri
- D. Menteri Besar

30. Siapakah "**Bapa Kemerdekaan**" Malaysia?

- A. Tun Abdullah Ahmad Badawi
- B. Tun Dr Mahathir Bin Mohamad
- C. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj
- D. Tun Hussien Onn

31. Bagi negeri yang tidak mempunyai Sultan seperti Pulau Pinang, Melaka, Sarawak dan Sabah, ketua negerinya ialah _____

- A. Yang di-Pertua Negeri
- B. Ketua Negeri
- C. Yang di-Pertuan Agong
- D. Raja

32. Apakah kediaman rasmi bagi Raja di setiap negara?

- A. Rumah mewah
- B. Rumah banglo
- C. Istana
- D. Kondominium

33. _____ terletak di negara Brunei.

- A. Istana Nur Cahaya
- B. Istana Maahadiah
- C. Istana Nur Intan
- D. Istana Nur Iman

34. Sebagai rakyat, kita mestilah memberikan _____ kepada Yang di-Pertuan Agong dan Sultan sebagai pemimpin negara.
- A. Kasih sayang
 - B. Taat setia
 - C. Perhatian
 - D. Janji manis
35. _____ merupakan seni kaligrafi dalam Islam.
- A. Seni tari
 - B. Seni Khat
 - C. Seni Muzik
 - D. Seni Bina
36. _____ ialah ketua kerajaan pada zaman pemerintah Melayu Awal.
- A. Sultan
 - B. Bendahara
 - C. Perdana Menteri
 - D. Laksamana
37. Apakah maksud warisan?
- A. Kenangan
 - B. Adat
 - C. Keturunan
 - D. Sesuatu yang diwarisi
38. _____ bermaksud bahasa perantaraan dan perhubungan antara masyarakat yang berlainan bahasa.
- A. Bahasa Perpaduan
 - B. Lingua Franca
 - C. Bahasa Utama
 - D. Lingua Francis
39. Dalam perlembagaan Malaysia, agama Islam ialah _____.
- A. Agama utama
 - B. Agama rasmi
 - C. Agama Persekutuan
 - D. Agama Khas
40. _____ melambangkan kekuasaan Raja terhadap kerajaan dan kawasan pemerintahan.
- A. Keamanan
 - B. Derhaka
 - C. Daulat
 - D. Hubungan

